

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN**  
**[BATU SAPI]**  
**TARIKH : 17.03.2016 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN : 64**

**Y.B. Datuk Linda Tsen Thau Lin** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana untuk membantu meningkatkan perniagaan terutamanya di Sabah yang telah mengalami kemerosotan akibat daripada kelembapan ekonomi.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagai sumber pertumbuhan domestik, sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi, terutamanya di dalam mencapai aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sehubungan dengan itu, Kerajaan

sentiasa komited di dalam membangunkan sektor PKS melalui program pembangunan PKS yang dilaksanakan oleh 15 Kementerian dan lebih 60 agensi.

Di bawah MITI dan agensi, pelbagai program pembangunan keusahawanan telah dilaksanakan bagi meningkatkan perniagaan usahawan PKS termasuk di Sabah. Salah satu daripada program tersebut adalah *Business Accelerator Programme* (BAP) yang dilaksanakan oleh SME Corp. dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan sejak tahun 2011 lagi.

Program ini adalah sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan keupayaan syarikat PKS melalui pendekatan serta bimbingan yang bersepadu meliputi empat (4) komponen iaitu :

- i. mengenalpasti kekuatan dan kelemahan syarikat PKS melalui *SME Competitiveness Rating for Enhancement* (SCORE);
- ii. khidmat nasihat perniagaan dan pelan tindakan untuk PKS;
- iii. membina kapasiti untuk membantu PKS mengembangkan perniagaan mereka; dan
- iv. kemudahan akses kepada pembiayaan.

Sehingga Januari 2016, sebanyak 30 syarikat dari negeri Sabah telah menerima manfaat daripada program ini dengan bantuan pembiayaan berbentuk geran dan pinjaman mudah berjumlah RM12 juta.

Selain itu, tumpuan juga diberi terhadap pembangunan PKS Bumiputera termasuk di Sabah. Ini dilakukan melalui program *Bumiputera Enterprise Enhancement Programme (BEEP)* bertujuan melahirkan PKS Bumiputera yang dinamik, berdaya saing, mampan dan berproduktiviti tinggi. Sehingga kini, sebanyak RM9.36 juta telah diluluskan di bawah program ini untuk PKS Bumiputera di Sabah.

Diharap melalui program ini, PKS di Sabah khususnya akan menjadi PKS yang dinamik, kompetitif dan berdaya tahan meskipun berhadapan dengan kemerosotan ekonomi semasa.

Bagi memupuk semangat keusahawanan di kalangan belia dan secara tidak langsung menyediakan peluang pekerjaan, program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) turut memberi peluang kepada belia Bumiputera di Sabah untuk melengkapkan pengetahuan untuk menjadi pemilik perniagaan sendiri. Pada tahun 2014, seramai 52 orang belia Sabah telah mengikuti

program ini manakala pada tahun 2015, program ini telah menerima penyertaan daripada 48 orang belia Sabah.

Melalui SME Bank pula, pelbagai dana dan program khusus kepada PKS turut ditawarkan terbuka kepada semua PKS dari peringkat *start-up* dengan izin, sehingga ke peringkat antarabangsa atau *export ready*. Sebagai contoh, Dana Usahawan Muda dan Tabung Usahawan Siswazah diwujudkan bagi membantu golongan muda memulakan perniagaan. Manakala Dana Pembangunan Halal diwujudkan khusus untuk membantu PKS mengeksport produk halal ke luar negara.

Sehingga kini, SME Bank telah menyalurkan sebanyak RM600 juta bantuan pembiayaan kepada 750 usahawan di Sabah. Bagi tahun 2015, sejumlah RM188.2 juta pembiayaan telah diluluskan kepada usahawan di Sabah melibatkan 153 PKS.

Bagi tahun 2016 pula, SME Bank mensasarkan anggaran pembiayaan sebanyak RM225.6 juta akan diluluskan bagi permohonan daripada negeri Sabah yang meliputi semua kaum.

Perbagai usaha telah dijalankan untuk usahawan bagi membantu meningkatkan perniagaan terutamanya di Sabah untuk usahawan

yang telah mengalami kemerosotan akibat daripada kelembapan ekonomi. Langkah-langkah yang telah dijalankan adalah seperti:

- i. memberi khidmat nasihat untuk menguruskan kewangan syarikat, mencari pasaran baru, perkongsian maklumat ekonomi dan memberi cadangan bidang perniagaan yang boleh diceburi;
- ii. jika pengusaha menghadapi masalah pembayaran balik pembiayaan antara langkah-langkah penyelesaian yang disarankan oleh pihak bank seperti penjadualan semula pembiayaan serta pemberian tempoh bertenang bagi pembiayaan.

Di samping kemudahan pembiayaan, SME Bank melalui anak syarikatnya iaitu *Centre For Entrepreneur Development & Research Sdn. Bhd.* (CEDAR) turut menyediakan latihan keusahawanan bagi mempertingkatkan kemahiran usahawan dalam menguruskan perniagaan. Latihan berkenaan dilaksanakan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

MIDF pula turut menawarkan pelbagai bantuan kewangan berbentuk pinjaman mudah yang ditawarkan kepada PKS di

Sabah. MIDF menyediakan khidmat nasihat dan penerangan kepada PKS di Sabah mengenai jenis-jenis bantuan pinjaman mudah yang ditawarkan oleh MIDF. Oleh kerana pinjaman mudah yang ditawarkan oleh MIDF merupakan antara pinjaman mudah yang termurah dari segi kadar faedah/ kadar keuntungan, ini secara tidak langsung boleh membantu IKS mengurangkan kos operasi. Untuk mencapai matlamat tersebut, MIDF cawangan Sabah sentiasa menganjurkan sesi penerangan kepada persatuan-persatuan perniagaan di Sabah.